



**KERTAS KERJA**

**PROGRAM TRANSISI**

**TAHUN SATU 2.0**



## PENGENALAN

PTTS 2.0 dilaksanakan bagi memastikan semua murid Tahun 1 daripada pelbagai latar belakang, tahap penguasaan dan kesediaan dapat meneruskan proses pembelajaran mereka seterusnya. Kerangka konsep PTTS 2.0 dibangunkan berdasarkan lima aspek iaitu sosioemosi, sikap dan nilai, kognitif (termasuk literasi dan numerasi asas), kreativiti dan estetika serta kesejahteraan fizikal dan kesihatan. Kelima-lima aspek ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan bertema dan bersepadu. Kejayaan pelaksanaan PTTS 2.0 bergantung kepada kerjasama dan sokongan ibu bapa/penjaga, pentadbir dan guru. Persekitaran sekolah dan rumah yang kondusif serta memberangsangkan juga amat penting dalam proses pembelajaran murid. Kerangka konsep PTTS 2.0 seperti dalam Rajah 1.

PTTS 2.0 amat menekankan kepada persediaan dan penguasaan murid dalam kelima-lima aspek di atas bagi mengupayakan mereka untuk melangkah ke pembelajaran seterusnya di Tahun 1. Bagi merealisasikan hasrat tersebut cadangan aktiviti dalam Fasa Penyesuaian dan Fasa Kesediaan dibina berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 1. Namun begitu, jika terdapat murid yang masih berada di bawah tahap kesediaan dan penguasaan terutamanya dalam literasi dan numerasi asas, guru boleh merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK Semakan 2017) bagi merancang aktiviti yang sesuai.



Rajah 1: Kerangka Konsep Program Transisi Tahun Satu 2.0

### **Objektif PTTS 2.0:**

1. Membantu murid menghadapi perubahan daripada pendidikan di rumah atau tadika kepada pendidikan formal.
2. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
3. Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
4. Meningkatkan keyakinan murid dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran.
5. Membantu murid mengurus diri sendiri.
6. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.

### **Fasa PTTS 2.0:**

#### **1. Fasa Penyesuaian (Dua Minggu)**

- Mengikut peruntukan waktu sehari yang telah ditetapkan.
- Merangkumi aktiviti suai kenal, aktiviti fizikal, aktiviti rutin, aktiviti pembelajaran, perbualan awal dan rehat.
- Melaksanakan pelbagai kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menggunakan item dalam Senarai Semak Kesediaan Murid (Lampiran A).

#### **2. Fasa Kesediaan (Dua Minggu)**

- Mengikut jadual Tahun 1.
- Dilaksanakan oleh guru mata pelajaran.
- Memilih tema mengikut minat, latar belakang dan persekitaran murid .
- Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terbeza berdasarkan tahap kesediaan murid dan kreativiti guru.
- Melaksanakan pelbagai kaedah PBD.
- Memastikan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk pembelajaran seterusnya.

## **Peranan dan Tanggungjawab:**

### **1. Pentadbir**

- Memahami konsep.
- Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan.
- Mengenal pasti guru.
- Bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).
- Mengadakan taklimat kepada guru dan ibu bapa.
- Merancang, melaksanakan pemantauan dan penilaian program di peringkat sekolah.
- Memastikan kelancaran program.
- Memberi sokongan dan bimbingan kepada guru.
- Memastikan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) semasa sentiasa dipatuhi.

### **2. Guru**

- Memahami konsep dan pelaksanaan program.
- Mengadakan perbincangan dan merancang pelaksanaan program dengan guru lain yang terlibat.
- Melaksanakan fasa penyesuaian selama dua minggu.
- Melaksanakan fasa kesediaan selama dua minggu juga.
- Mengetahui tahap perkembangan dan kepelbagaian murid bagi membantu mereka mengikuti pembelajaran seterusnya.
- Melaksanakan pentaksiran berdasarkan senarai semak kesediaan murid semasa fasa penyesuaian.
- Melaksanakan pentaksiran bilik darjah semasa fasa kesediaan.
- Menyediakan pelbagai aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.
- Memastikan murid dapat menguasai literasi dan numerasi asas.
- Memastikan SOP semasa sentiasa dipatuhi.

### **3. Ibu bapa / Penjaga**

- Menyediakan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal.
- Menghubungi guru untuk mengetahui perkembangan anak mereka.
- Memastikan kelengkapan pembelajaran.
- Memerhati tingkah laku, perkembangan dan pembelajaran anak.
- Membantu meningkatkan keyakinan anak dalam pembelajaran.

# AHLI JAWATANKUASA INDUK PROGRAM TRANSISI TAHUN 1 SESI 2025



## PELAN TINDAKAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

SESI 2025

SK (NAMA SEKOLAH)

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1.	Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Program Transisi Tahun 1  Pengerusi : Guru Besar Penyelaras/Setiausaha : Ahli-ahli Jawatankuasa : Semua Guru Ketua Panitia Setiap Mata Pelajaran Guru-guru Tahun 1 1. 2. 3.	10 Februari 2025	
2.	Merancang Aktiviti Program Transisi Tahun 1 oleh Jawatankuasa Pelaksanaan	12 Februari 2025	AJK Program Transisi
3.	Pendaftaran Murid Tahun 1	13 Februari 2025	Semua Guru Kelas Tahun 1
4.	Pelaksanaan Program Transisi (Tahun 1)	17 Februari 2025 hingga 14 Mac 2025	Semua Guru Matapelajaran Tahun 1

# FASA

## PENYESUAIAN

- Dilaksanakan selama **DUA MINGGU** mengikut peruntukan waktu sehari yang telah ditetapkan.
- Pengisian dan peruntukan waktu aktiviti harian dalam fasa ini berdasarkan peruntukan waktu sehari seperti dalam Jadual 1.
- Pelaksanaan rutin kelas, perbualan awal dan rehat perlu dilaksanakan oleh guru kelas. Manakala aktiviti fizikal, aktiviti suai kenal dan aktiviti pembelajaran perlu dilaksanakan oleh guru mata pelajaran.
- Penilaian perlu dilaksanakan menggunakan Senarai Semak Kesediaan Murid seperti dalam Lampiran A.



## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 1

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bernyanyi dan membuat pergerakan mengikut lagu “Kalau Rasa Gembira” oleh Didi and Friends. <a href="https://www.youtube.com/watch?v=-8SnAJYICU0">https://www.youtube.com/watch?v=-8SnAJYICU0</a></li> <li>• Aktiviti “Jom Baca” – Huruf Kecil dan Huruf Besar.</li> <li>• Bercerita tentang perasaan dan keadaan sekolah.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> *Literasi Awal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyanyi “Lagu ABC” oleh Didi and Friends. <a href="https://www.youtube.com/watch?v=CZ3BmywhIMQ">https://www.youtube.com/watch?v=CZ3BmywhIMQ</a></li> <li>• Menyuruh huruf kecil dan huruf besar (Lembaran Kerja).</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Kantin</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke kantin.</li> <li>• Mengenal pasti laluan dan tempat cuci tangan dan makan.</li> <li>• Memahami peraturan kantin.</li> <li>• Berkenalan dengan pekerja.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	Guru Kelas
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang keadaan fizikal, peraturan dan menu</li> <li>• Menggambarkan “Kantin Idamanku”</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan mencari harta karun.</li> <li>• Murid mencari harta karun di dalam pasir.</li> <li>• Guru meletakkan barang-barang seperti pensel, pemadam, duit syiling, guli, batu, dan sebagainya.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
12.00 – 12.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> *Numerasi Awal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneroka nombor dan bentuk dalam kelas (Lembaran Kerja).</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
12.30 – 1.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> *Pendidikan Agama Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan Rukun Islam.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memadankan gambar dengan Rukun Islam yang betul (Lembaran Kerja).</li></ul> <p><b>*Pendidikan Moral</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Memadankan gambar tempat beribadah dengan penganutnya (Lembaran Kerja).</li></ul>	
--	---	--

**Refleksi Murid :**

---

---

---

**Refleksi Guru :**

---

---


---

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 1

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 18 FEBRUARI 2025 (SELASA)

18 FEBRUARI 2025 (SELASA)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• “Lets Read Activity” (Short a,e,i,o,u Vowel)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b>  <b>Telur Pecah (Aktiviti Kumpulan)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.</li> <li>• Murid bekerjasama dengan rakan untuk memadamkan huruf besar dan huruf kecil.</li> <li>• Kumpulan yang paling cepat menghabiskan tugas dan dapat menyebut nama huruf dengan betul dikira sebagai pemenang.</li> </ul> 	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Makmal Komputer</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke makmal komputer.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke makmal komputer.</li> <li>• Memahami peraturan di makmal komputer.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	<b>Guru Kelas</b>
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang keadaan fizikal dan peraturan di makmal komputer.</li> <li>• Menggambarkan “Kafe Siber Idamanku”</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersenam / bermain/ berjalan / rekreasi aktif (aktiviti di padang, permainan “Datuk Harimau”, bola speak)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.00 – 12.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b>  <b>Carta Jantina Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid diberi pelekat berwarna merah.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap murid meletakkan pelekat mengikut jantina masing-masing pada carta yang disediakan (Lembaran Kerja).</li> </ul> <table border="1"> <tr> <td>Perempuan</td> <td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td></td><td></td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td>Lelaki</td> <td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td>●</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td> </tr> </table>	Perempuan	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●					Lelaki	●	●	●	●	●	●	●								
Perempuan	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●																						
Lelaki	●	●	●	●	●	●	●																									
12.30 – 1.00 (30 minit)	<p><b>Aktiviti Pembelajaran</b></p> <p><b>*Pendidikan Agama Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menulis bilangan rakaat solat fardu dalam perkataan (Lembaran Kerja).</li> </ul> <p><b>*Pendidikan Moral</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menulis huruf yang tertinggal dalam perkataan (Lembaran Kerja).</li> </ul>																															

**Refleksi Murid :**

---



---



---

**Refleksi Guru :**

---



---



---

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 1

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 19 FEBRUARI 2025 (RABU)

19 FEBRUARI 2025 (RABU)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca”- Kad KVKV (16 perkataan)</li> </ul> <p>Senarai Semak Kesediaan Murid C (iv)</p>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b> <p><b>Membentuk doh huruf vokal (a e i o u)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid membentuk doh huruf vokal (a e i o u) dengan bimbingan guru (Lembaran Kerja).</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <p><b>Lawatan ke Tandas Sekolah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke tandas sekolah.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke tandas sekolah.</li> <li>• Memahami peraturan di tandas sekolah</li> <li>• Mengenal simbol tandas lelaki dan tandas perempuan.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	<b>Guru Kelas</b>
10.30 – 11.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang keadaan fizikal dan peraturan di tandas sekolah.</li> <li>• Menggambarkan “Tandas Idamanku”</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
11.00 – 11.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersenam / bermain/ berjalan / rekreasi aktif (aktiviti di padang, permainan “Datuk Harimau”, bola speak)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b> <p><b>Membentuk doh nombor</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid membentuk doh nombor (Lembaran Kerja).</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.30 – 1.00 (30 minit)	Senarai Semak Kesediaan (vii)	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

**Refleksi Murid :**

---

---

---

**Refleksi Guru :**

---

---

---

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 1

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca”- (Ayat KVKVKV dan KVKVK)</li> </ul> <p>Senarai Semak Kesediaan C (vi)</p>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b> <p><b>Label Peralatan Kelas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berbincang peralatan dalam kelas yang hendak dilabelkan.</li> <li>• Murid menghasilkan label peralatan dan meletakkan di tempat tersebut (Lembaran Kerja).</li> </ul> <div style="display: flex; justify-content: center; gap: 20px; margin: 10px 0;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #fce4d6;">Rak Buku Cerita</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #fce4d6;">Penyapu</div> </div> <p>Senarai Semak Kesediaan C (v)</p>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <p><b>Lawatan ke Perpustakaan Sekolah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke perpustakaan sekolah.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke perpustakaan sekolah.</li> <li>• Memahami peraturan di perpustakaan sekolah.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	Guru Kelas
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang keadaan fizikal dan peraturan di perpustakaan sekolah.</li> <li>• Menggambarkan “Perpustakaan Idamanku”</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersenam / bermain/ berjalan / rekreasi aktif (aktiviti di padang, permainan “Datuk Harimau”, bola speak)</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
12.00 – 12.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b> <p><b>Mencari Nombor Yang Hilang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid mengambil batang aiskrim secara rawak. Murid mengenal pasti nombor yang hilang pada batang aiskrim dan mencari pengepit kain yang ada nombor tersebut.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual

		
12.30 – 1.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Sains Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyiapkan lembaran kerja berkaitan cuaca. (Lembaran Kerja)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

**Refleksi Murid :**

---



---

**Refleksi Guru :**

---



---





**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1**

**Minggu : 1**

**Fasa : Penyesuaian**

**Tarikh : 21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)**

21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca”- Days Of The Week</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b>  <b>Permainan Sampaikan Pesan (Aktiviti Kumpulan)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.</li> <li>• Murid yang pertama dalam barisan memilih kertas yang mengandungi satu ayat daripada kotak secara rawak.</li> <li>• Murid perlu membaca dan menghafal ayat tersebut dan menyampaikan kepada murid yang kedua secara berbisik.</li> <li>• Aktiviti ini akan diteruskan sehingga ke murid yang terakhir dalam kumpulan. Kumpulan yang dapat menghabiskan giliran dengan cepat dan menyebut semula ayat dengan betul dikira sebagai pemenang.</li> </ul> <div style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p><b>Di sekitar sekolah saya ada pokok bunga.</b></p> </div>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Pejabat Pentadbiran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke pejabat pentadbiran.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke pejabat pentadbiran.</li> <li>• Memahami peraturan di pejabat pentadbiran.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	Guru Kelas
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Kapal Terbang Idaman Saya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid diminta menulis warna kegemaran dan melukis haiwan peliharaan pada kertas origami.</li> <li>• Murid membuat origami kapal terbang masing-masing dengan bimbingan guru.</li> <li>• Murid melemparkan kapal terbang.</li> <li>• Murid dikehendaki meneka kapal terbang milik siapakah itu.</li> </ul> <div style="text-align: center; margin-top: 10px;">  </div>	Guru Tahun 1 mengikut jadual

<b>11.30 – 12.00</b> <b>(30 minit)</b>	<b>Aktiviti Fizikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bersenam / bermain/ berjalan / rekreasi aktif (aktiviti di padang, permainan “Datuk Harimau”, bola speak)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> <b>mengikut</b> <b>jadual</b>
<b>12.00 – 12.30</b> <b>(30 minit)</b>	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b>  <b>Ulat Makan Epal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Murid memilih kad gambar epal secara rawak dan menyebut nombor pada kad tersebut.</li> <li>Murid membuat lubang pada epal berdasarkan nombor pada kad (Lembaran Kerja).</li> </ul> 	<b>Guru Tahun 1</b> <b>mengikut</b> <b>jadual</b>
<b>12.30 – 1.00</b> <b>(30 minit)</b>	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Pendidikan Agama Islam</b>  <b>Rakaat Dalam Solat Fardu</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Padankan solat fardu dengan bilangan rakaat yang betul (Lembaran Kerja).</li> </ul> <b>*Pendidikan Moral</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bantu dengan ikhlas. Jawab soalan yang diberikan dalam lembaran kerja.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> <b>mengikut</b> <b>jadual</b>

**Refleksi Murid :**

---



---



---

**Refleksi Guru :**

---



---



---

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 2

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 24 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

24 FEBRUARI 2025 (ISNIN)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b>  <b>Permainan Bola</b> 1. Letakkan bola ping pong yang bertanda dengan nombor ke dalam kotak. 2. Murid memilih secara rawak bola ping pong tersebut dan menjawab soalan.  Bilangan bola ping pong bergantung kepada bilangan soalan. Contoh soalan: a. Apakah haiwan yang anda sukai? b. Apakah warna berus gigi anda? c. Apakah rancangan TV kegemaran anda? d. Berapakah bilangan adik-beradik anda? e. Bilakah hari lahir anda? f. Bagaimanakah anda datang ke sekolah?	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b>  <b>Topi Saya!</b> 1. Murid membuat topi pesta dan menghias mengikut kreativiti serta menulis nama mereka. 2. Murid memakai topi yang dihasilkan. 3. Galakkan murid membaca dan menyebut nama pada topi rakan.	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Kita Serupa</b> 1. Murid berdiri dalam bulatan. 2. Guru memberi arahan, "Siapa yang pernah ke zoo, kumpul di tengah". 3. Minta beberapa orang murid di tengah bulatan menceritakan pengalaman melawat zoo. 4. Murid kembali ke bulatan. 5. Ulang semula langkah di atas dengan arahan lain seperti:  i. "Siapa ada adik lelaki, kumpul di tengah"	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

	ii. "Siapa suka bermain bola, kumpul di tengah"	
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	<b>Guru Kelas</b>
10.30 – 11.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Kapal Terbang Saya</b>  1. Setiap murid diberi sehelai kertas dan diminta menggambarkan diri sendiri. (Tidak dibenarkan menulis nama dalam kertas) 2. Murid membuat origami kapal terbang menggunakan kertas tersebut dan meluncurkan ke udara. 3. Setiap murid diminta mengutip satu kapal terbang dan membukanya. 4. Cari rakan berdasarkan gambaran pada kertas tersebut.	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b>  Di Mana Saya? 1. Guru meminta murid menunjukkan objek atau individu seperti arahan berikut:  Tunjukkan saya: i. Objek yang berwarna .... ii. Di mana ... (nama murid) iii. Tempat duduk ... (nama murid) iv. Murid yang memakai cermin mata	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.00 – 12.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b>  <b>*Literasi Bahasa Melayu</b> Ceritalah... 1. Guru menyediakan 6 cawan kertas yang dilekatkan nombor 1 - 6. Setiap cawan kertas akan mempunyai tajuk cerita yang berbeza. 2. Murid memilih satu nombor. 3. Murid bercerita berdasarkan nota yang terdapat dalam cawan kertas yang dipilih.  Contoh tajuk cerita: a. Apakah haiwan yang anda suka? b. Sesuatu mengenai semalam c. Sesuatu tentang masa kecil anda d. Sesuatu yang anda pelajari minggu lalu e. Sesuatu yang anda suka f. Sesuatu yang anda tonton atau dengarkan	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.30 – 1.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Sains</b>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

	<p>Mata mata melihat .../Telinga telinga mendengar...</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Guru memulakan permainan dengan menyebut: "Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang bermula dengan huruf 'A'".</li><li>2. Murid mencari objek yang bermula dengan huruf 'A' dan menyebut nama objek tersebut.</li></ol> <p><b>Nota:</b> Permainan boleh diubah suai seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang berwarna...</li><li>• Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang tinggi</li></ul>	
--	---	--

**Refleksi Murid :**

---

---

---

**Refleksi Guru :**

---

---


---




## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 2

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

25 FEBRUARI 2025 (SELASA)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> mengikut jadual
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca” – Buku Cerita Tompok</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> mengikut jadual
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b>  <b>Corak Ikan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid diberikan gambar ikan.</li> <li>• Murid melempar dadu dan melukis satu garisan berdasarkan titik pada permukaan dadu yang diperolehi (Lembaran Kerja).</li> <li>• Aktiviti ini dilakukan mengikut giliran sehingga selesai.</li> </ul>  <p style="text-align: center;">Senarai Semak Kesediaan Murid C (ii)</p>	<b>Guru Tahun 1</b> mengikut jadual
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Bilik Guru</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke bilik guru.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke bilik guru.</li> <li>• Memahami peraturan ketika berada di bilik guru.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> mengikut jadual
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	<b>Guru Kelas</b>
10.30 – 11.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Emosi Saya</b>	<b>Guru Tahun 1</b> mengikut jadual

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap murid perlu melukiskan mimik muka dan pameran di hadapan kelas (Lembaran Kerja).</li> </ul> 	
11.30 – 12.00 (30 minit)	<p><b>Aktiviti Fizikal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Murid meniup belon yang berisi gula-gula.</li> <li>Murid meletupkan belon yang ditiup dan mengutip gula-gula.</li> </ul> 	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.00 – 12.30 (30 minit)	<p><b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b></p> <p><b>Membuat Rantai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru menunjuk rantai menggunakan kertas warna yang disusun mengikut pola (Lembaran Kerja).</li> <li>Murid mengenal pasti warna dan menceritakan pola rantai tersebut.</li> <li>Murid menghasilkan rantai kertas mengikut pola masing-masing.</li> </ul> 	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
12.30 – 1.00 (30 minit)	<p><b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Sains Awal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyusun pokok mengikut ketinggian (Lembaran Kerja).</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>



**Refleksi Murid :**

---

---

---

**Refleksi Guru :**

---

---

---

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 2

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

26 FEBRUARI 2025 (RABU)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca”- Buku Cerita Kejutan</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b>  <b>Kad Cantum KVKVKV</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid mewarnakan gambar dan menggunting Kad Cantum KVKVKV (Lembaran Kerja).</li> <li>• Murid mencantumkan Kad KVKVKV dengan pasangan yang betul.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Padang Sekolah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke padang sekolah.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke padang sekolah.</li> <li>• Memahami peraturan ketika berada di padang sekolah.</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
10.00 – 10.30 (30 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	Guru Kelas
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Permainan “Cikgu Kata” (duplikasi “Simon Says”)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid duduk di tempat masing-masing.</li> <li>• Murid mendengar arahan dan melakukan perbuatan yang disuruh apabila “Cikgu Kata”.</li> <li>• Jika murid melakukan perbuatan yang disuruh tanpa arahan “Cikgu Kata” dikira kalah dan tidak boleh main sekali lagi.</li> </ul> <b>Mengukur ketinggian dan menimbang berat murid</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Siapakah paling tinggi di dalam kelas?</li> <li>• Siapakah paling rendah di dalam kelas?</li> <li>• Siapakah paling berat di dalam kelas?</li> <li>• Siapakah paling ringan di dalam kelas?</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b>  <b>“Nature Hunt”</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Draw the pictures you see in your school’s compound (Worksheet).</li> </ul>	Guru Tahun 1 mengikut jadual
12.00 – 12.30 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b>	Guru Tahun 1 mengikut jadual

	<p><b>Jom Kira Dadu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid membaling dua biji dadu (Lembaran Kerja).</li> <li>• Murid mengira hasil tambah dua biji dadu.</li> </ul> 	
12.30 – 1.00 (30 minit)	<p><b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Sains</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyusun objek mengikut saiz (Lembaran Kerja).</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1</b> <b>mengikut jadual</b>

**Refleksi Murid :**

---



---



---

**Refleksi Guru :**

---



---



---




## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 2

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.00 – 8.30 (30 minit)	<b>Perbualan Awal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti “Jom Baca”- KVKVKV (12 perkataan)</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
8.30 – 9.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Literasi Awal</b>  <b>Kad Cantum KVKVKV</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid mewarnakan gambar dan menggunting Kad Cantum KVKVKV (Lembaran Kerja).</li> <li>• Murid mencantumkan Kad Cantum KVKVKV dengan pasangan yang betul.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
9.00 – 10.00 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Lawatan ke Dewan Sekolah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergerak ke dewan sekolah.</li> <li>• Mengenal pasti laluan ke dewan sekolah.</li> <li>• Memahami peraturan ketika berada di dewan sekolah.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
10.00 – 10.30 (60 minit)	<b>Rehat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuci tangan.</li> <li>• Bimbingan adab makan.</li> </ul>	<b>Guru Kelas</b>
10.30 – 11.30 (60 minit)	<b>Aktiviti Suai Kenal</b>  <b>Permainan “Tunjuk dan Cerita”</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid memasukkan tangan ke dalam kotak misteri.</li> <li>• Barangan boleh terdiri daripada anak patung, lampu suluh, bola, dan sebagainya mengikut kreativiti guru.</li> <li>• Murid menunjukkan kepada rakan-rakan barang yang diperolehi dari kotak misteri.</li> <li>• Murid menceritakan ciri-ciri fizikal barang/objek tersebut.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
11.30 – 12.00 (30 minit)	<b>Aktiviti Fizikal</b>  <b>Permainan Rebut Kerusi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid meletakkan kerusi secara bulatan, tetapi kurang satu dari jumlah murid.</li> <li>• Guru memasang lagu dan murid diminta mengelilingi bulatan kerusi.</li> <li>• Guru mematikan lagu dan murid diminta duduk di kerusi yang disediakan.</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid yang tidak dapat duduk di kerusi akan dikeluarkan dari permainan.</li> </ul> 	
<p>12.00 – 1.00 (60 minit)</p>	<p><b>Aktiviti Pembelajaran</b> <b>*Numerasi Awal</b></p> <p><b>Lebih @ Kurang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menunjukkan kumpulan objek dan meminta murid meletakkan objek yang lebih atau kurang daripada kumpulan objek tersebut.</li> </ul>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menggantikan objek dengan nombor, contohnya nombor 4 dan meminta murid meletakkan nombor "lebih daripada 4" atau "kurang daripada 4".</li> </ul> 	<p><b>Guru Tahun 1</b> <b>mengikut jadual</b></p>

**Refleksi Murid :**

---



---

**Refleksi Guru :**

---



---


## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN PROGRAM TRANSISI TAHUN 1

Minggu : 2

Fasa : Penyesuaian

Tarikh : 28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)		
MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 – 8.00 (30 minit)	<b>Rutin Kelas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucap selamat</li> <li>• Bacaan doa</li> <li>• Tertib tempat duduk</li> <li>• Mengambil kedatangan</li> <li>• Membersih dan mengemas kelas</li> </ul>	<b>Guru Tahun 1 mengikut jadual</b>
